

16 JUL 2002

P/Raya-Pendang (Analisis Berita)

PELUANG SAMA RATA BN DAN PAS DI PENDANG

Oleh: Razman Yaacob dan Mohd Zahari Morad

PENDANG, 16 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) dan Pas masing-masing dilihat mempunyai peluang sama rata untuk memenangi kerusi Parlimen Pendang dalam pilihan raya kecil Khamis ini.

Dengan hanya tinggal sehari saja lagi untuk berkempen sebelum tiba hari pengundian, kedua-dua parti melahirkan keyakinan untuk mencapai matlamat itu berdasarkan alasan tersendiri.

Dilihat daripada jentera kedua-dua parti sejak kempen bermula pada hari penamaan calon 10 Julai lepas, jelas kelihatan BN amat yakin untuk merampas kerusi itu manakala Pas pula beranggapan ia mampu mengekalkannya.

Antara sandaran BN ialah rakyat di kawasan Parlimen Pendang amat hauskan pembangunan setelah semua itu `sepi' sejak dua tahun lepas apabila kerusi Pendang disandang oleh Presiden Pas Datuk Fadzil Noor sejak pilihan raya umum 1999. (Fadzil, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Anak Bukit, meninggal dunia pada 23 Jun lepas).

Menyedari hanya BN yang mampu memberikan semua itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turun padang hampir setiap hari menegaskan bahawa Pas hanya mampu berjanji tetapi tidak mengotakannya.

"Tiada apa yang Pas boleh berikan dalam membangunkan Pendang. Mereka hanya tahu mencaci, memaki dan mengeluarkan kata kesat kepada pemimpin dan penyokong BN," katanya.

Isu lain yang memberikan kelebihan kepada BN ialah tiadanya masalah dalaman Umno di peringkat nasional dan tempatan seperti yang berlaku pada 1999, berakhirnya era kegawatan ekonomi negara serta terdapat kegusaran masyarakat berkenaan pelaksanaan hukum hudud ala-Pas di Terengganu.

Namun, di sebalik keyakinan itu, BN nampaknya merasai bahang tentangan sengit Pas. Ini kerana hampir kesemua pemimpin tertinggi Umno berkubu di Pendang setiap hari berbanding di kawasan Anak Bukit.

Untuk memenangi hati pengundi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang selalunya tidak turun berkempen pada pilihan raya kecil sebelum ini, turut turun padang semalam.

Para pemerhati berkata ini memberi isyarat jelas bahawa BN amat serius dengan hasratnya untuk menawan Pendang.

Pas pula tetap menaruh keyakinan bahawa mereka akan dapat mengekalkan kerusi itu, tetapi dengan jangkaan majoriti yang berkurangan.

Faktor kerusi itu adalah milik Fadzil adalah sebenarnya pencetus semangat kepada penyokong Pas bahawa kerusi itu perlu dipertahankan.

Walaupun Umno meletak calon yang lebih terkenal berbanding Pas, ia bukan satu masalah besar kepada calon Pas Dr Mohd Hayati Othman, kerana ramai penduduk Pendang telah mengenali beliau yang mempunyai sebuah klinik di pekan itu.

Dr Mohd Hayati berkata sepanjang tempoh beliau berkempen, penerimaan masyarakat terhadap beliau adalah baik, walaupun beliau adalah muka baru.

"Penyokong Pas tetap akan mengundi Pas, cuma sekarang ini kita menumpukan kepada pengundi atas pagar yang agak ramai," katanya.

Pas mempunyai beberapa kawasan kuat, yang sememangnya sukar ditembusi Umno antaranya Guar Kepayang, Bukit Raya dan Gajah Mati.

Antara isu yang dibangkit oleh Pas ialah hasrat kerajaan memperkenalkan bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran sains dan matematik di sekolah.

Pada pilihan raya umum 1999 lepas, Fadzil memperolehi 22,413 undi menewaskan Othman dengan majoriti 2,939.

Pendang mempunyai 53,128 orang pengundi.

-- BERNAMA

MAN MZM MAI